



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXX]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 10 APRIL 2025

[No. 16

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 111

[No: JKSNSBH(S).100-1/14/2 (5)

Enakmen Mahkamah Syariah 2024
[No. 5 tahun 2024]

PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 4 (d) Enakmen Mahkamah Syariah 2024 [No. 5 tahun 2024], Yang di-Pertua Negeri, atas syor Ketua Hakim Syar'ie dengan ini menubuhkan suatu Mahkamah yang dikenali sebagai Mahkamah Utama Syariah berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2024.

Bertarikh 19 Februari 2025.

YAA DATUK AHADIN BIN ARINEN,
Ketua Hakim Syar'ie Negeri Sabah.

Enakmen Mahkamah Syariah 2024
[No. 5 tahun 2024]

METERAI MAHKAMAH SYARIAH

Berdasarkan Seksyen 35 Enakmen Mahkamah Syariah 2024 [No. 5 tahun 2024], Ketua Hakim Syar'ie dengan ini menentukan meterai tiap-tiap Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Sabah sebagaimana bentuk dan coraknya seperti berikut:

BIL	COP BESI	COP GETAH	MAHKAMAH SYARIAH
1			MAHKAMAH UTAMA SYARIAH NEGERI SABAH
2			MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI SABAH
3			MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KOTA KINABALU NEGERI SABAH
4			MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KENINGAU NEGERI SABAH

5			MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KUDAT NEGERI SABAH
6			MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TAWAU NEGERI SABAH
7			MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SANDAKAN NEGERI SABAH
8			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU NEGERI SABAH
9			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU NEGERI SABAH
10			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT NEGERI SABAH

11			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU NEGERI SABAH
12			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN NEGERI SABAH
13			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BELUD NEGERI SABAH
14			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KINABATANGAN NEGERI SABAH
15			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH LAHAD DATU NEGERI SABAH
16			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PAPAR NEGERI SABAH

17			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEMPORNA NEGERI SABAH
18			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH RANAU NEGERI SABAH
19			MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT NEGERI SABAH

Bertarikh 1 Ogos 2024.

YAA DATUK AHADIN BIN ARINEN,
Ketua Hakim Syar'ie Negeri Sabah.

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024****SUSUNAN KANDUNGAN****PERKARA**

1. Latar belakang
2. Skop dan pemakaian
3. Kandungan umum
4. Nama dan permulaan kuat kuasa
5. Tafsiran
6. Borang
7. Ketidakpatuhan
8. Permohonan harta tak alih sebagai *mawquf*
9. Pendaftaran pindah milik
10. Daftar Wakaf
11. Penyimpanan geran tanah wakaf
12. Sijil Pendaftaran Wakaf
13. Pecah bahagi geran tanah
14. Pendaftaran wakaf melalui perintah Mahkamah
15. Pendaftaran wakaf melalui pemberian atau kelulusan Kerajaan Negeri
16. Pendaftaran wakaf melalui pembelian atau *istibdal* oleh Majlis
17. Pelantikan, keizinan atau pengiktirafan sebagai pentadbir wakaf oleh Majlis
18. Pendaftaran pentadbir wakaf
19. *Warta*

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024****1. Latar belakang**

- 1.1 Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Wakaf selaras dengan kehendak Seksyen 19A Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018 [No. 7 Tahun 2018] ("Enakmen") bagi memastikan pelaksanaan pentadbiran wakaf khususnya melibatkan harta tak alih berkenaan:
- a) permohonan mendaftarkan harta tak alih sebagai *mawquf* dan pewujudan wakaf di bawah seksyen 9C dan 9D;
 - b) pendaftaran pindah milik dan pengeluaran sijil pendaftaran wakaf di bawah subseksyen 12(2);
 - c) pengeluaran pelantikan dan pengiktirafan pentadbir wakaf di bawah perenggan 3(1)(e) dan (f); dan
 - d) pewartaan wakaf harta tak alih di bawah seksyen 13
- adalah mematuhi peruntukan Enakmen.
- 1.2 Garis panduan ini digubal sebagai suatu dokumen atau manual penting untuk diikuti atau digunapakai bagi mencapai keteraturan dan keseragaman semasa melaksanakan suatu wakaf harta tak alih.
- 1.3 Garis Panduan ini telah dipersetujui dan dimuktamadkan oleh Mesyuarat Tertinggi Majlis Ugama Islam Sabah (MTM) Bil.: 02/2024 yang diadakan pada 14 Jun 2024.

2. Skop dan Pemakaian

- 2.1 Garis Panduan ini terpakai kepada Majlis Ugama Islam Sabah ("Majlis") terutama Bahagian Wakaf termasuklah mana-mana pihak atau agensi yang berkaitan (jika berkenaan).
- 2.2 Garis Panduan ini menjadi rujukan dan menjelaskan mengenai tatacara atau proses pengendalian wakaf khususnya berkenaan penerimaan pendaftaran harta tak alih dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya supaya bertepatan dengan Hukum Syarak dan undang-undang bertulis.

3. Kandungan umum

Garis Panduan ini menggariskan tatacara permohonan, pendaftaran sehingga pewartaan wakaf harta tak alih seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut:

- (a) Jadual Pertama:
 - i. Borang-Borang Permohonan sebagai *Mawquf*
 - ii. Borang Pewujudan Wakaf Harta Tak Alih
- (b) Jadual Kedua: Pendaftaran Pindah milik
- (c) Jadual Ketiga:
 - i. Sijil Pendaftaran Wakaf
 - ii. Sijil Pelantikan Pentadbir Wakaf

(d) Jadual Keempat:

- i. Pewartaan Wakaf Harta Tak Alih
- ii. Penyiaran *General Notification* Pelantikan Pentadbir Wakaf

4. Nama dan permulaan kuat kuasa

- 4.1 Garis panduan ini bolehlah dinamakan sebagai Garis Panduan Pendaftaran Wakaf Harta Tak Alih 2024.
- 4.2 Garis Panduan ini mula berkuat kuasa dari tarikh penyiaran dalam *warta*.

5. Tafsiran

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

“bebanan” ertinya sebarang sekatan termasuk gadaian, cagaran, kaveat, perintah larangan mahkamah dan apa-apa yang menghalang urusan;

“carian kebangkrapan” ertinya pengesahan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan pewakaf bukan seorang bankrap;

“carian tanah” ertinya Sijil Penyiasatan Geran Tanah atau pengesahan bertulis Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah menunjukkan status terkini tanah yang mengandungi maklumat berkaitan pemilik berdaftar, keluasan keseluruhan dan syer pemilikan termasuklah sama ada ia mengandungi sebarang bebanan atau tidak;

"harta tak alih" ertinya sebidang tanah atau bangunan atau apa-apa kepentingan di atasnya atau manfaat yang terbit daripadanya;

"pentadbir wakaf" ertinya mana-mana orang, institusi, pertubuhan, perbadanan atau syarikat yang dilantik, diberi izin atau diiktiraf oleh Majlis di bawah perenggan 3(1)(e) dan (f) Enakmen untuk mengurus, mentadbir atau memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya;

"peta lakaran lokasi wakaf" ertinya lakaran menunjukkan lokasi sempadan dan keluasan tanah wakaf;

"pewakaf" mempunyai erti yang sama dengan *waqif* dalam Enakmen;

"proses pendaftaran pindah milik" ertinya pelaksanaan borang pindah milik seperti di bawah Sabah Land Ordinance [*Cap.68*];

6. Borang

Borang-borang yang ditetapkan dalam Jadual kepada Garis Panduan ini hendaklah digunakan bagi tiap-tiap permohonan wakaf harta tak alih sehingga *pewartaannya* di bawah Enakmen.

7. Ketidakpatuhan

Ketidakpatuhan terhadap mana-mana kehendak borang-borang itu tidaklah boleh menyebabkan permohonan itu ditolak tetapi Ketua Pendaftar Wakaf boleh mengarahkan Pemohon untuk meminda atau membetulkan borang itu mengikut apa-apa bentuk dan menurut apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

8. Permohonan harta tak alih sebagai *mawquf*

- 8.1 Mana-mana pihak boleh membuat permohonan kepada Majlis untuk menyerahkan dan mendaftarkan harta tak alih miliknya sebagai mawquf bagi tujuan wakaf am atau wakaf khas.
- 8.2 Tiap-tiap permohonan harta tak alih sebagai *mawquf* hendaklah dibuat oleh Pemohon seperti yang ditetapkan dalam Borang 1.
- 8.3 Jika harta tak alih itu berdaftar lebih dari seorang pemilik, pemohon hendaklah mendapatkan persetujuan daripada pemilik bersama terhadap peta lakaran lokasi wakaf seperti yang ditetapkan dalam Borang 2.
- 8.4 Jika pemilik bersama tidak memberi kerjasama atau tidak bersetuju untuk melengkapkan Borang 2, Ketua Pendaftar Wakaf boleh sebelum pewakafan diteruskan oleh Pemohon:
 - (a) mencadangkan supaya syer milik Pemohon itu diukur dan dipecah bahagi sebelum diwakafkan dengan kos adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemohon; atau
 - (b) mencadangkan kepada Pemohon untuk menyelesaikan pertikaian mengenai peta lakaran lokasi wakaf di antara pemilik-pemilik di bawah Sabah Land Ordinance [Cap.68]; atau
 - (c) mencadangkan kepada pemohon membuat Surat Akuan Berkanun bagi lakaran lokasi syernya yang hendak diwakafkan itu.
- 8.5 Setelah menerima suatu permohonan, Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah:
 - (a) mengarahkan Pendaftar Wakaf atau Pegawai Tadbir Agama yang berkenaan menjalankan pemeriksaan ke atas permohonan itu dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam Borang 3;

- (b) mendapatkan maklumat mengenai status permohonan bagi memastikan:
 - i. Pemohon bukan seorang bankrap melalui carian kebangkrapan
 - ii. pemilikan dan harta yang hendak diwakafkan bebas dari bebanan melalui carian tanah;
 - iii. cukai tanah dan cukai pintu atau cukai kadaran telah dijelaskan sepenuhnya melalui resit pembayaran terkini daripada Pemohon; dan
 - iv. tempoh luput pajakan tanah adalah mewajarkan pewakafan diteruskan.
- (c) membuat pertimbangan dengan mengambil kira kesesuaian harta tak alih itu dalam mencapai tujuan wakaf;
- (d) memberi pandangan atau alternatif kepada Pemohon jika harta tak alih itu tidak sesuai dalam mencapai tujuan wakaf; dan
- (e) memaklumkan kepada Pemohon keputusan permohonan itu seperti yang ditetapkan dalam Borang 4.

8.6 Setelah mendapat kelulusan di bawah subperenggan 8.5(e), Pemohon hendaklah menyatakan keinginannya mewujudkan wakaf seperti yang ditetapkan Borang 5.

9. Pendaftaran pindah milik

9.1 Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah mendaftarkan pindah milik tanah wakaf dengan memastikan dan melengkapkan:

- a) dokumen-dokumen berkenaan seperti tersenarai pada **Senarai Semak** dalam Jadual Kedua;
 - b) Memorandum Pindah Milik [**Borang LSF (1820)**] dalam dua (2) salinan dan memasukkan butiran seperti berikut:
 - i. Pewakaf sebagai pemindah milik (*transferor*);
 - ii. Penerima Wakaf iaitu "**Majlis Ugama Islam Sabah sebagai Pemegang Amanah Tunggal menurut perenggan 3(1)(a) Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018**" sebagai penerima milik (*transferee*);
 - iii. Syer keluasan yang diwakafkan;
 - iv. Terma "**WAKAF**" sebagai balasan (*consideration*); dan
 - v. ditandatangani oleh Pewakaf bersama dengan Yang di-Pertua dan Setiausaha Majlis Ugama Islam Sabah di hadapan peguam bela dan peguam cara atau Pesuruhjaya Sumpah atau Jaksa Pendamai atau pegawai Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah yang layak di bawah seksyen 97, Sabah Land Ordinance [*Cap. 68*];
- 9.2 Menyemak semula butiran maklumat dimasukkan dalam borang [**Borang LSF (1820)**] adalah betul sebelum ditandatangani oleh Pewakaf dan Penerima Wakaf;
- 9.3 Memohon pengecualian duti setem daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri tertakluk kepada apa-apa yuran proses yang dikenakan oleh Lembaga itu;

- 9.4 Memuat turun dan mencetak Sijil Pengecualian Duti Setem;
- 9.5 Mengeluarkan **Surat Pendaftaran Wakaf** kepada Pendaftar Tanah, Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah dalam Jadual Kedua;

10. **Daftar wakaf**

Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah mendaftarkan butiran wakaf di dalam Daftar Wakaf mengandungi maklumat berikut:

- (a) nama, nombor kad pengenalan atau nombor daftar syarikat atau pertubuhan, umur, alamat, e-mel, nombor telefon, status kebangkrapan atau penggulangan;
- (b) jenis harta, nombor geran, lokasi, status tanah, keluasan keseluruhan harta, syer dimiliki dan syer diwakafkan termasuklah apa-apa bangunan atau apa-apa kepentingan yang terletak di atasnya atau apa-apa manfaat yang terbit daripadanya;
- (c) tarikh pendaftaran;
- (d) peta lakaran lokasi wakaf;
- (e) wakaf am atau wakaf khas;
- (f) tujuan wakaf;
- (g) tarikh daftar Memorandum Pindah Milik;
- (h) kuat kuasa pelaksanaan wakaf;
- (i) tarikh warta;
- (j) nombor kes, tarikh perintah dan nombor siri perintah Mahkamah (jika berkenaan); dan

- (k) butir-butir lain sebagaimana dikehendaki oleh Ketua Pendaftar Wakaf dari semasa ke semasa.

11. Penyimpanan geran tanah wakaf

Setelah proses pendaftaran selesai, Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah:

- (a) menyimpan geran tanah wakaf di tempat sesuai dan selamat seperti yang ditetapkan:
- i. Sekiranya tanah wakaf dipindahmilikan sepenuhnya ke atas nama Majlis, geran asal tanah wakaf itu hendaklah disimpan oleh Majlis; atau
 - ii. Sekiranya tanah wakaf itu dipindahmilikan sebahagiannya sahaja ke atas nama Majlis, geran asal tanah itu hendaklah disimpan oleh pewakaf atau pemilik bersama lain.

12. Sijil Pendaftaran Wakaf

- 12.1 Setelah pendaftaran di bawah perenggan 9 dan 10 Garis Panduan ini dilaksanakan, Majlis hendaklah mengeluarkan kepada pewakaf Sijil Pendaftaran Wakaf seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga bagi mana-mana *mawquf*.
- 12.2 Jika Sijil tersebut atau instrumen yang dengannya sesuatu wakaf telah diwujudkan hilang atau musnah, Majlis boleh mengeluarkan kepada pewakaf suatu perakuan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis.

- 12.3 Suatu sijil atau perakuan yang dikeluarkan di bawah perenggan 12.1 dan 12.2, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* dalam mana-mana mahkamah mengenai kesahihan sesuatu wakaf.

13. Pecah bahagi geran tanah

- 13.1 Jika wakaf harta yang telah didaftarkan mempunyai pemilik bersama dan sekiranya perlu, Majlis boleh atas budibicaranya, memecah bahagi geran tanah itu.
- 13.2 Dalam melaksanakan pecah bahagi geran tanah, Ketua Pendaftar Wakaf dengan kebenaran Majlis hendaklah memberi perhatian dan mengambil tindakan seperti berikut:
- (a) memilih dan melantik Jurukur bertauliah dan berlesen melalui proses ditetapkan menurut tatacara kewangan;
 - (b) mengemukakan salinan geran tanah hendak dipecah bahagi kepada Jurukur yang telah dilantik;
 - (c) menyediakan anggaran kos pengukuran setakat mana melibatkan syer harta wakaf **yang kena dibayar oleh Majlis sahaja** kecuali Majlis bersetuju untuk menanggung kos pengukuran keseluruhan harta itu;
 - (d) memastikan cadangan pelan yang telah diukur tersedia untuk ditandatangani oleh pegawai atau wakil Majlis yang diberi kuasa dan pemilik-pemilik lain yang berkenaan sebelum dikemukakan untuk kelulusan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah;
 - (e) memantau dan memastikan proses tersebut selesai sehingga pengeluaran geran baharu;

- (f) mengemaskini maklumat pengeluaran geran baharu ke dalam Daftar Wakaf;
- (g) menyimpan geran asal tanah di tempat sesuai seperti yang ditetapkan; dan
- (h) menyiarkan dalam *warta* pengeluaran geran baharu tersebut

14. Pendaftaran wakaf melalui perintah mahkamah

- 14.1 Jika, Ketua Pendaftar Wakaf dalam pengetahuannya wujud suatu perintah mahkamah atau telah menerima suatu perintah mahkamah berkaitan dengan wakaf, dia hendaklah mendaftarkan wakaf tersebut.
- 14.2 Bagi proses pendaftaran wakaf, Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah:
- (a) mendapatkan maklumat Pemohon/Plaintif kes atau ahli waris pewakaf dan salinan disahkan perintah daripada mahkamah; dan
 - (b) menghubungi Pemohon/Plaintif atau mana-mana ahli waris pewakaf tersebut supaya hadir ke Bahagian Wakaf, Majlis Ugama Islam Sabah bagi urusan berkenaan pendaftaran dan meletak hak wakaf kepada Majlis;
- 14.3 Sekiranya perintah mahkamah telah dilaksanakan, Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah meminta Pemohon/Plaintif atau mana-mana ahli waris pewakaf mengemukakan:
- (a) geran asal atau salinan disahkan geran tanah yang menunjukkan pelaksanaan pendaftaran wakaf itu di Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah;

- (b) salinan Sijil Kematian atau Kad Pengenalan pewakaf disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara;
- (c) Peta Lakaran Lokasi Wakaf; dan
- (d) Borang 2 (jika berkenaan).

14.4 Sekiranya perintah mahkamah belum atau gagal dilaksanakan, Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah:

- (a) meminta Pemohon/Plaintif atau mana-mana ahli waris pewakaf mengemukakan:
 - i. salinan asal Perintah mahkamah;
 - ii. geran asal tanah;
 - iii. dokumen-dokumen sokongan lain seperti dinyatakan pada subperenggan 14.3 (b) hingga (c) di atas.
- (b) bagi maksud pendaftaran, Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah juga:
 - ii.. mengeluarkan Surat Pendaftaran Wakaf kepada Pendaftar Tanah, Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah di bawah perenggan 9.5 Garis Panduan ini.

14.5 Jika Pemohon/Plaintif atau mana-mana ahli waris pewakaf enggan atau ingkar melaksanakan Perintah mahkamah, Ketua Pendaftar Wakaf boleh:

- (a) mengesyorkan kepada Majlis untuk mengambil tindakan perundangan di mahkamah bagi pelaksanaan perintah; dan

- (b) menguatkuasakan perintah pelaksanaan yang dikeluarkan oleh mahkamah menurut subperenggan 14.4(a) dan (b) Garis Panduan ini.

14.6 Setelah pendaftaran selesai, Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah:

- (a) mendaftarkan pewakafan ke dalam Daftar Wakaf mengikut kehendak perenggan 10 Garis Panduan ini;
- (b) mengeluarkan kepada pewakaf Sijil Pendaftaran Wakaf di bawah perenggan 12.1 Garis Panduan ini;
- (c) menyiarkan pewakafan itu di dalam *Warta* di bawah perenggan 19 Garis Panduan ini; dan
- (d) menyimpan geran asal atau salinan geran tanah (menurut mana yang berkenaan) di bawah perenggan 11 Garis Panduan ini.

15. Pendaftaran wakaf melalui pemberian atau kelulusan Kerajaan Negeri

Majlis hendaklah mengarahkan Ketua Pendaftar Wakaf mendaftarkan dan melaksanakan suatu harta tak alih yang diluluskan kepada Majlis melalui suatu pemberian atau kelulusan Kerajaan Negeri bagi tujuan wakaf mengikut kehendak perenggan 10 dan perenggan 19 Garis Panduan ini.

16. Pendaftaran wakaf melalui pembelian atau *istibdal* oleh Majlis

Majlis hendaklah mengarahkan Ketua Pendaftar Wakaf mendaftarkan apa-apa harta tak alih yang dibeli oleh Majlis bagi tujuan wakaf melalui seksyen 5 dan *istibdal* melalui subseksyen 25(4) Enakmen mengikut kehendak perenggan 10 dan perenggan 19 Garis Panduan ini.

17. Pelantikan, keizinan atau pengiktirafan sebagai pentadbir wakaf oleh Majlis

17.1 Majlis boleh, melalui suatu ketetapan, dan tertakluk kepada syarat, arahan dan sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis, melantik, memberi izin atau mengiktiraf pentadbir wakaf bagi:

- (a) penunaian mana-mana kewajipan Majlis atau perjalanan mana-mana kuasanya di bawah Enakmen;
- (b) mengurus, mentadbir dan membangunkan mana-mana *mawquf* dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh Majlis.

17.2 Kecuali diperuntukan selainnya oleh Majlis, pentadbir wakaf yang dilantik hendaklah:

- (a) telah mencapai umur lapan belas (18) tahun dan sempurna akal (bagi seseorang individu);
- (b) tidak disyiharkan bankrap atau penggulungan atau tidak terhalang dari mengurus harta dari segi undang-undang dan Hukum Syarak; dan
- (c) tidak dalam tindakan perundangan di Mahkamah Sivil atau oleh Pendaftar Pertubuhan bagi perisytiharan kebangkrapan, penggulungan atau pembatalan pendaftaran.

17.2 Majlis hendaklah mengeluarkan kepada pentadbir wakaf, Sijil Pelantikan Pentadbir Wakaf seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga dan menyiarkan dalam *General Notification*.

17.3 Pentadbir wakaf hendaklah melaporkan kepada Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya.

18. Pendaftaran pentadbir wakaf

18.1 Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah mendaftarkan butiran pelantikan pentadbir wakaf di dalam Daftar Wakaf yang mengandungi maklumat berikut:

- (a) nama, nombor kad pengenalan atau nombor daftar syarikat atau pertubuhan, umur, alamat, e-mel dan nombor telefon pentadbir wakaf;
- (b) tarikh pelantikan, tempoh pelantikan dan tujuan pelantikan;
- (c) jenis harta, nombor geran, lokasi, keluasan harta wakaf termasuklah apa-apa bangunan atau apa-apa kepentingan yang terletak di atasnya atau apa-apa manfaat yang terbit daripadanya ditadbir oleh pentadbir wakaf;
- (d) tarikh pendaftaran;
- (e) tarikh *General Notification*; dan
- (f) butir-butir lain sebagaimana dikehendaki oleh Ketua Pendaftar Wakaf dari semasa ke semasa.

19. Warta

19.1 Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan suatu senarai:

- (a) harta tak alih yang terletak hak kepada Majlis berkenaan dengan mana-mana *mawquf* yang diwujudkan seperti ditetapkan dalam Enakmen dalam *Warta*;
- (b) pelantikan pentadbir wakaf secara pentadbiran dalam *General Notification*.

19.2 Ketua Pendaftar Wakaf dalam proses penyiaran pewartaan di bawah subperenggan 19.1(a) hendaklah mengambil tindakan berikut:

- (a) menyenaraikan harta tak alih yang diwakafkan;
- (b) mengatur bagi pewartaan harta wakaf pada setiap enam (6) bulan;
- (c) mengeluarkan **Surat Penyiaran Pewartaan Wakaf** kepada Jabatan Cetak Kerajaan Sabah seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Keempat; dan
- (d) menyemak semula maklumat harta wakaf yang telah dilengkapkan pada Jadual Keempat adalah benar dan tepat sebelum tindakan pewartaan dibuat;

19.3 Bagi proses penyiaran *General Notification* di bawah subperenggan 19.1(b), Ketua Pendaftar Wakaf hendaklah:

- (a) menyenaraikan pentadbir wakaf yang dilantik;
- (b) mengatur bagi penyiaran pelantikan pentadbir wakaf seberapa segera yang mungkin atau selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas pelantikan dibuat;
- (c) mengeluarkan **Surat Penyiaran General Notification Pelantikan Pentadbir Wakaf** kepada Jabatan Cetak Kerajaan Sabah seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Keempat; dan
- (d) menyemak semula maklumat pelantikan pentadbir yang telah dilengkapkan pada Jadual Keempat adalah benar dan tepat sebelum tindakan penyiaran dibuat;

19.4 Setelah penyiaran atau pewartaan dilaksanakan, Ketua Pendafatr

Wakaf hendaklah:

- (a) mendapatkan terbitan *warta* atau *General Notification* itu
(menurut mana yang berkenaan) daripada Jabatan Cetak
Kerajaan Sabah sebagai rekod; dan
- (b) mengemaskini maklumat pewartaan dalam Daftar Wakaf.

JADUAL PERTAMA

- I. BORANG PERMOHONAN HARTA SEBAGAI *MAWQUF***
- II. BORANG PERSETUJUAN BERSAMA TERHADAP PETA LAKARAN LOKASI WAKAF**
- III. BORANG ARAHAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN**
- IV. NOTIS KELULUSAN/PENOLAKAN HARTA SEBAGAI *MAWQUF***
- V. BORANG PEWUJUDAN WAKAF HARTA TAK ALIH**

JADUAL PERTAMA

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

BORANG 1
[Seksyen 9C]

PERMOHONAN HARTA SEBAGAI MAWQUF

Kepada,

Ketua Pendaftar Wakaf,
Majlis Ugama Islam Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah

BAHAGIAN I
(BUTIRAN PERMOHONAN)

1. Nama Pemohon : _____
2. No.KP/Syarikat/Pertubuhan : _____
3. Umur : _____ *(bagi pemohon individu sahaja)*
4. Alamat : _____

5. No. Telefon/Alamat E-mel : _____
6. Saya/Kami merupakan pemilik harta seperti di bawah ini:

Bil.	Jenis Harta <i>(Nyatakan Tanah, Rumah, Bangunan dll.)</i>	Jenis dan No. Geran	Jumlah Keluasan Keseluruhan dan Syer / Bahagian yang dimiliki	Lokasi Harta	Jumlah Keluasan atau Syer hendak diwakafkan	Status Harta <i>(Nyatakan sama ada harta bebas dari gadaian, pajakan, pencerobohan dll.)</i>

7. Jenis Wakaf:

(Tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan)

☐**WAKAF AM**☐**WAKAF KHAS** bagi tujuan _____

8. Dikepilkan bersama dokumen yang berikut:

(Tandakan (✓) pada kotak jika berkenaan)

☐

Salinan Kad Pengenalan yang disah benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara

☐

Borang 49 (Akta Syarikat 2016) [Akta 777]

☐

Sijil Daftar Pertubuhan

☐

Resolusi Syarikat/Pertubuhan berkenaan perwakafan

☐

Salinan Geran Tanah

☐

Peta Lakaran Lokasi Wakaf

☐Borang 2 (*Borang Persetujuan Pemilik Bersama terhadap Peta Lakaran Lokasi Wakaf*) (jika berkenaan)☐

Perintah Mahkamah Syariah yang salinannya disahkan benar oleh Mahkamah (jika berkaitan)

☐

Ulasan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) atau agensi berkenaan mengenai kesesuaian tujuan wakaf khas (jika berkenaan)

☐

Dokumen lain berkaitan:

i. _____

ii. _____

Saya/Kami memohon dan berhasrat untuk mewakafkan harta yang dinyatakan di atas kepada Majlis Ugama Islam Sabah.

Tarikh: _____

(Tandatangan Pemohon)

(Borang ini hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan)

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

BORANG 2

[Perenggan 8.3]

PERSETUJUAN PEMILIK BERSAMA TERHADAP PETA LAKARAN LOKASI WAKAF

Kepada,

Ketua Pendaftar Wakaf,
Majlis Ugama Islam Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah

1. Saya/Kami, _____, No. KP dll: _____
yang beralamat di _____

2. Saya/Kami dengan ini **memberikan persetujuan** terhadap **Peta Lakaran Lokasi Wakaf** seperti dilampirkan bagi menunjukkan kawasan yang dimiliki *waqif* dan sempadan kawasan yang diwakafkan.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Persetujuan di atas telah dibuat di hadapan dua (2) saksi seperti berikut:

SAKSI PERTAMA

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

SAKSI KEDUA

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

(Borang ini hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan)

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

BORANG 3
[Subperenggan 8.5(a)]

PEMERIKSAAN

BAHAGIAN I
ARAHAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN

Kepada,

Pendaftar Wakaf/Pegawai Tadbir Agama,

Majlis Ugama Islam Sabah/Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah,

- Alamat -

Arahan menjalankan pemeriksaan:

(*Tandakan (✓) pada kotak bagi dokumen berkaitan*)

☐

Kawasan wakaf adalah benar dan tepat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta Lakaran Lokasi Wakaf; dan

☐

Keluasan/kawasan/bangunan wakaf adalah bersesuaian dengan tujuan wakaf dan bebas dari sebarang pencerobohan.

☐

Arahan lain yang berkaitan : _____

Sila kemukakan Laporan pemeriksaan tuan ke Pejabat ini untuk tindakan lanjut kami.

Tarikh: _____

(*Tandatangan & Cop Ketua Pendaftar Wakaf*)

BAHAGIAN II
LAPORAN PEMERIKSAAN

Kepada,

Ketua Pendaftar Wakaf,
Majlis Ugama Islam Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah.

Laporan pemeriksaan :

(*Tandakan (✓) pada kotak bagi dokumen yang berkaitan*)

☐

Lawatan tapak dan membuat pemeriksaan tanah seperti dikehendaki.

☐

Laporan Pemeriksaan (*sila gunakan lampiran berasingan*) dilampirkan untuk tindakan lanjut.

☐

Lain-lain : _____

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Pendaftar Wakaf/
Pegawai Tadbir Agama)

BAHAGIAN III
ULASAN KETUA PENDAFTAR WAKAF

1. Ulasan Ketua Pendaftar Wakaf:

Saya, Ketua Pendaftar Wakaf, Majlis Ugama Islam Sabah:

- i. berpuashati/tidak berpuashati* dengan laporan pemeriksaan terhadap permohonan di atas;
- ii. mendapati *waqif* bukan seorang bankrap/adalah seorang bankrap*;
- iii. harta yang hendak diwakafkan adalah milik/bukan milik* *waqif* dan bebas/tidak bebas* daripada bebanan;
- iv. bayaran cukai tanah dan cukai pintu atau cukai kadaran telah dijelaskan sepenuhnya/belum dijelaskan* oleh *waqif*, dan
- v. tempoh luput pajakan tanah adalah mewajarkan/tidak mewajarkan* pewakafan diteruskan.

2. Saya dengan ini:

☐

Menyokong permohonan ini.

☐

Menolak permohonan ini berdasarkan alasan-alasan berikut:

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Ketua Pendaftar Wakaf)

Nota:

1. *Potong mana yang tidak berkenaan

2. Tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

BORANG 4
[Subperenggan 8.5(e)]

NOTIS KELULUSAN/PENOLAKAN HARTA SEBAGAI MAWQUF

Kepada,

- Nama dan Alamat Pemohon -

1. Permohonan tuan/puan bagi harta sebagai *mawquf* melalui Borang 1 bertarikh _____ adalah dirujuk.
2. Sukacita/Dukacita* dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan adalah diluluskan/ditolak*.
3. Sila hadir ke Pejabat kami pada ketetapan berikut:
 - i. Tarikh : _____
 - ii. Masa : _____
 - iii. Tempat : _____

dengan membawa bersama dokumen-dokumen seperti:

- ☐ Salinan asal bagi setiap Kad Pengenalan/Borang 49 (Akta Syarikat 2016) [Akta 777]/Sijil Daftar Pertubuhan* dan salinan disahkan benar oleh agensi yang mengeluarkannya.
- ☐ Salinan Asal Geran Tanah
- ☐ Salinan Asal Perintah Mahkamah Syariah (jika berkaitan)
- ☐ 2 orang saksi lelaki

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Ketua Pendaftar Wakaf)

Nota:

1. *Potong mana yang tidak berkenaan
2. Borang ini hendaklah diisi di dalam tiga (3) salinan

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

BORANG 5

[Seksyen 9D]

PEWUJUDAN WAKAF HARTA TAK ALIHAN
WAKAF HARTA TAK ALIH

Kepada,

Ketua Pendaftar Wakaf,
Majlis Ugama Islam Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah

BAHAGIAN I
BUTIRAN PEWAKAF DAN MAWQUFGIAN
I
BUTIRAN PEWAKAF DAN MAWQUF

1. Saya/Kami telah menerima keputusan tuan bertarikh _____ yang meluluskan permohonan harta saya/kami sebagai *mawquf*.
2. Saya/Kami, _____, No. KP/Syarikat/Pertubuhan: _____ yang beralamat di _____ mewakafkan harta saya/kami kepada Majlis Ugama Islam Negeri Sabah sebagai *mawquf* seperti maklumat berikut:
- i. No. Geran : _____
 - ii. Keluasan Keseluruhan : _____
 - iii. Syer/Bahagian Yang Dimiliki : _____
 - iv. Syer/Bahagian Yang Diwakafkan : _____
 - v. Lokasi Harta : _____
 - vi. Nyatakan bangunan/manfaat di atasnya : _____
(jika ada)
3. Saya/Kami mewakafkan harta tersebut di atas sebagai:

☐

WAKAF AM

☐

WAKAF KHAS bagi tujuan _____

BAHAGIAN II
PENGAKUAN/PERSETUJUAN WAKAFGIAN
II

PENGAKUAN/PERSETUJUAN PEWAKAF

1. Saya/Kami dengan sesungguhnya mengesahkan lokasi tanah bagi maksud harta yang diwakafkan dalam Bahagian I borang ini adalah seperti yang ditanda dalam Peta Lakaran Lokasi Wakaf;
2. Saya/Kami dengan sesungguhnya memahami bahawa ketidakpatuhan terhadap Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] akan menyebabkan wakaf itu terbatal dan tidak berkesan;
3. Saya/Kami dengan sesungguhnya dan sebenarnya menyatakan persetujuan bahawa:
 - i. harta yang diwakafkan pada Bahagian I borang ini dipindahmilikan kepada Majlis Ugama Islam Sabah (selepas ini disebut Majlis) sebagai Pemegang Amanah Tunggal;
 - ii. pewakafan ini menyebabkan terputusnya hak saya/kami ke atas harta yang diwakafkan pada Bahagian I borang ini atau apa-apa kepentingan di atasnya atau manfaat yang terbit daripadanya setakat mana tidak bertentangan dengan seksyen 24 dan 29 Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018; dan
 - iii. harta yang diwakafkan pada Bahagian I borang ini dan disempurnakan menurut Hukum Syarak dan Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018 tidak boleh dibatalkan oleh pewakaf;
4. Saya/Kami juga dengan sesungguhnya dan sebenarnya menyatakan bahawa saya/kami bersetuju supaya harta yang diwakafkan pada Bahagian I borang ini dilaksanakan sebagai Wakaf Am jika tujuan Wakaf Khas saya/kami tidak dapat dilaksanakan;

Tandatangan : _____

Nama *Waqif* : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____

BAHAGIAN III
SIGHAHGIAN III
SIGHAH

LAFAZ PEWAKAF

Saya/Kami dengan ini mewakafkan serta mengamanahkan kepada Majlis Ugama Islam Sabah untuk menguruskan harta yang saya/kami wakafkan pada Bahagian I borang ini demi kebajikan dan kepentingan agama Islam dan umatnya kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Tandatangan : _____
Nama *Waqif* : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____

SAKSI PERTAMA

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Alamat : _____
Tarikh : _____

SAKSI KEDUA

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Alamat : _____
Tarikh : _____

Nota:

1. *Borang ini hendaklah diisi di dalam tiga (3) salinan*
2. *Borang ini tidak perlu dilengkapkan jika pewakaf tidak bersetuju meneruskan wakaf*

JADUAL KEDUA

- I. SENARAI SEMAK DAFTAR WAKAF**
- II. BUTIRAN PINDAH MILIK WAKAF**
- III. SURAT PENDAFTARAN WAKAF**

JADUAL KEDUA

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

SENARAI SEMAK DAFTAR WAKAF
[Subperenggan 9.1(a)]

Dokumen Asas:

- ☐ Borang Pewujudan Wakaf (Borang 5)
- ☐ Salinan Kad Pengenalan Pewakaf disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara / Borang 49 (Akta Syarikat 2016 [Akta 777] / Sijil Daftar Pertubuhan
- ☐ Geran Asal Tanah
- ☐ Peta Lakaran Lokasi Wakaf
- ☐ Borang Persetujuan Pemilik Bersama Terhadap Peta Lakaran Lokasi Wakaf (Borang 2)
- ☐ Carian Tanah
- ☐ Carian Kebankrapan
- ☐ Resit Pembayaran Cukai Tanah dan Cukai Pintu atau Cukai Kadaran
- ☐ Borang Pindah milik (MOT) [LSF:1820]
- ☐ Surat Pendaftaran Wakaf [Jadual Kedua (Perenggan 9.5)]
- ☐ Sijil Pengecualian Duti Setem

Dokumen Sokongan

- ☐ Lain-lain Dokumen Berkaitan (*nyatakan*):
 - i. _____
 - ii. _____

Tarikh:

Disemak Oleh:

(Tandatangan/Cop Ketua Pendaftar Wakaf)

(Borang ini hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan)

Memo Type: LSF. 18

2	0
---	---

STATE OF SABAH, MALAYSIA**LAND ORDINANCE, CAP. 68**

Section 104

SCHEDULE XIII**MEMORANDUM OF TRANSFER**

	District Code	Type Code	Serial Number	CD
Title No.				

 Count of
Transferor/s

--	--

 I/We

--	--	--	--	--	--	--	--

Name Number

REGISTERED													
Register Memo No.	<table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr></table>												
Memo Seq. in Title:	<table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr></table>												
Time:													
Date:	<table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr><tr> <td style="text-align: center;">D</td> <td style="text-align: center;">D</td> <td style="text-align: center;">M</td> <td style="text-align: center;">M</td> <td style="text-align: center;">Y</td> <td style="text-align: center;">Y</td> </tr> </table>							D	D	M	M	Y	Y
D	D	M	M	Y	Y								
Nature: Transfer													
By:													
To:	Majlis Ugama Islam Negeri Sabah												
.....													
REGISTRAR													

 Undivided share held
fraction or decimal

being registered as the co/owner/s of the land described in the title as numbered above, and registered in the Land Registry at subject to the sub-leases, charges or other interests registered against the said title in the Register of Titles:

 In consideration of the sum of ringgit **WAKAF**

 RM

--	--	--	--	--	--	--	--

 paid to me/us by

 Count of
Transferee/s

--	--

--	--	--	--	--	--	--	--

Name Number

Name/s (maximum of 40 characters only within box)

MAJLIS UGAMA ISLAM NEGERI SABAH

 Undivided share held
fraction or decimal

(

)

sebagai Pemegang Amanah Tunggal

menurut sub seksyen 3 (1) (a) Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018

(hereinafter called the transferee/s), the receipt of which sum I/we hereby acknowledge, do hereby transfer all my/our rights, title and interest in the said land to the said transferee/s to the extent of the share/s shown in the column/s headed 'undivided share' against my/our name/s and the name/s of the transferee/s respectively.

In witness whereof, I/we have hereto set my/our hand/s this day of 20

I/We hereby accept this transfer in the term herein stated.

.....
Transferor/s.
 Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Negeri Sabah/
Setiausaha Majlis Ugama Islam Negeri Sabah.
.....
Transferee/s.

Signed by person/s qualified under section 97

attesting the signature/s of the Transferor/s

.....
(Block Letters).....
(Signature).

attesting the signature/s of the Transferee/s

.....
(Block Letters).....
(Signature).
 Accepted by: Collector
LSF. 1820(1982)

P.T.O.

All dues have been paid, viz —			Receipt No.	Date
FEES	RM	sen		
Stamp duty				
Stamp duty on duplicate				
Registration fee				
Attestation fee				
and up to and including				
the current year 20				
All quit rent				
All other dues				
Education				
Poor rate				

Signed:
Asst. Collector of Land Revenue

THE LOCAL GOVERNMENT ORDINANCE, 1961

Certificate issued under Section 98

(a) I certify that all amount/s (if any) due to the:-

hereafter called the Authority, being the Authority having jurisdiction over the land described in (Title No. to which the transaction overleaf relates) by the owner/s or occupier/s of the said land and property on the said land during the three years immediately preceding the date of this certificate in respect of rates made or assessed on the value of such land and property and charges for sewerage, sanitary, refuse removal or other services rendered in relation to such land and property.

viz:	Rate, etc	RM	sen	Receipt No.	Date
.....					
.....					

have been paid and

(b) all amounts (if any) due by the owner/s or occupier/s of such land and property on account of expenses incurred or advances made by the Authority in relation to such land and property under the provisions of the Local Government Ordinance, 1961.

viz:	Description	RM	sen	Receipt No.	Date
.....					
.....					

have been paid.

Date of certificate: 20

Signed:
Chairman or Executive Officer of the Authority

* Registration of the transaction overleaf cannot be effected more than twenty-eight days after the date of this certificate.

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

SURAT PENDAFTARAN WAKAF
[Perenggan 9.5]

Kepada,

Pendaftar Tanah,
Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah,
– Alamat –

Perkara tersebut dirujuk.

1. Kami kemukakan kepada tuan dokumen-dokumen berikut:

- ☐ Borang Pindah milik (MOT) [LSF:1820]
- ☐ Geran Asal Tanah
- ☐ Salinan Kad Pengenalan pewakaf disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara/Borang 49 (Akta Syarikat 2016) [Akta 777] / Sijil Daftar Pertubuhan
- ☐ Borang Pewujudan Wakaf (Borang 5)
- ☐ Peta Lakaran Lokasi Wakaf
- ☐ Resit Pembayaran Cukai Tanah dan Cukai Pintu atau Cukai Kadaran
- ☐ Borang Persetujuan Pemilik Bersama Terhadap Peta Lakaran Lokasi Wakaf (Borang 2)
- ☐ Carian Kebankrapan
- ☐ Carian Tanah

Lain-lain Dokumen Berkaitan (*nyatakan*):

- i. _____
- ii. _____

bagi tujuan mendaftarkan wakaf dan mohon tuan dapat mengendoskan terma "WAKAF" sebagai *nature of dealing* pada geran tanah berkenaan.

2. Setelah selesai pendaftaran, sila kembalikan salinan geran asal yang telah dilaksanakan untuk tindakan kami seterusnya.

Tarikh: _____

(Tandatangan/Cop Ketua Pendaftar Wakaf)

(Borang ini hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan)

JADUAL KETIGA

- I. SIJIL PENDAFTARAN WAKAF**
- II. SIJIL PELANTIKAN PENTADBIR WAKAF**
- III. TERMA DAN SYARAT PELANTIKAN PENTADBIR WAKAF**

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

SIJIL PENDAFTARAN WAKAF
[Subseksyen 12(2)]

NO. SIRI:

[LOGO]

MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH

SIJIL PENDAFTARAN WAKAF

adalah dengan ini diakui bahawa

(Nama Pewakaf)
(No. KP/Daftar Pertubuhan dll)

telah mewakafkan harta berupa

tanah seluas ____ ekar dengan Nombor Geran: _____ di _____

sebagai **WAKAF AM/WAKAF KHAS**

bagi tujuan _____ (*terpakai untuk Wakaf Khas sahaja*)

dan

telah didaftar dengan Daftar Wakaf No.

MUIS:0001/2022 (contoh)

pada

11 Februari 2022 (contoh)

METERAI

Yang Dipertua/Setiausaha
Majlis Ugama Islam Sabah

Tarikh: _____

(No. Ruj:)

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

SIJIL PELANTIKAN PENTADBIR WAKAF
[Perenggan 3(1)(e) dan (f)]

NO. SIRI:

[LOGO]

MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH

SIJIL PELANTIKAN PENTADBIR WAKAF

adalah dengan ini diakui bahawa

(Nama Pentadbir Wakaf)
(No. KP/Daftar Syarikat/Daftar Pertubuhan dll)

dilantik atau diiktiraf* sebagai pentadbir wakaf
berkuatkuasa pada _____ sehingga _____ atau suatu tempoh yang ditentukan oleh
Majlis
untuk mentadbir atau mengurus harta wakaf berupa

tanah seluas _____ ekar dengan Nombor Geran: _____ di _____ **(nyatakan)**
yang telah didaftar dengan Daftar Wakaf No.

MUIS:0001/2022 (contoh)

pada

11 Februari 2022 (contoh)

bagi tujuan Wakaf Am/Wakaf Khas: _____ **(nyatakan)**
dengan terma dan syarat yang dinyatakan pada **Lampiran 1**

METERAI

Yang Dipertua / Setiausaha
Majlis Ugama Islam Sabah

Tarikh: _____

(No. Ruj:)

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

PELANTIKAN PENTADBIR WAKAF
[Perenggan 3(1)(e) dan (f)]

LAMPIRAN 1

PELANTIKAN PENTADBIR WAKAF

TERMA DAN SYARAT

1. Bahawa Majlis Ugama Islam Sabah (selepas ini disebut sebagai Majlis) selaras dengan kehendak perenggan 3(1) (e) dan (f), Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018 [No. 7 Tahun 2018] melantik dan mengiktiraf _____, (Nama Pentadbir Wakaf) _____ (No. KP / Daftar Syarikat / Daftar Pertubuhan) sebagai Pentadbir Wakaf bagi penjalanan mana-mana kewajipan dan kuasa Majlis di bawah Enakmen berkuatkuasa pada _____ sehingga _____ atau suatu tempoh yang ditentukan oleh Majlis.
2. Bahawa Majlis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan kewajipan dan tanggungjawabnya sebagaimana diperuntukan kepadanya di bawah subseksyen 3(3), Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) [No. 7 tahun 2018].
3. Bahawa Pentadbir Wakaf hendaklah menjalankan tanggungjawab dan bertindak menurut terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis sebagaimana berikut:
 - 3.1 melaksanakan dasar, arahan atau perintah Majlis berhubung dengan pembangunan dan pengurusan wakaf;
 - 3.2 merancang, mengurus, mentadbir, memantau dan mengusahakan pembangunan harta wakaf yang dinyatakan dengan sepatutnya;

- 3.3 memberi pandangan kepada Majlis berkenaan dengan cara dan langkah perlu dilaksanakan atau diambil untuk menggalakkan pembangunan atau pengembangan harta atau produk wakaf selaras dengan kehendak Hukum Syarak;
- 3.4 membuat apa-apa transaksi yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi menguruskan hal ehwal harta wakaf itu;
- 3.5 memeriksa atau mengkaji, mengurus dan menyelenggara harta wakaf termasuk kemudahan dan infrastruktur di dalam kawasan harta wakaf itu;
- 3.6 mengambil tindakan bagi mengelak apa-apa bentuk pencerobohan ke atas harta wakaf itu;
- 3.7 mengesyor dan mendapatkan persetujuan Majlis berkenaan dengan pelantikan mana-mana orang yang difikirkan sesuai bagi melaksanakan pemeriksaan, penyiasaan dan penguatkuasaan ke atas harta wakaf bagi pihak Majlis;
- 3.8 menyelenggara data dan maklumat berhubungan dengan harta wakaf itu termasuk memberikan kepada Majlis apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat tentang aktiviti-aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis dari semasa ke semasa;
- 3.9 mengemukakan kepada Majlis bagi pemeriksaan apa-apa akaun dan rekod yang disimpan dan disenggarakan dalam mentadbirkan harta wakaf itu;
- 3.10 melaporkan kepada Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya menurut perwakilan itu pada setiap akhir tahun;

4. Bahawa tiada suatu pelantikan, keizinan atau pengiktirafan sebagai pentadbir wakaf ini boleh menghalang Majlis daripada menjalankan atau melaksanakan sendiri mana-mana kewajipan, kuasa atau tanggungjawab Majlis untuk:
 - 4.1 menuntut dan mengutip sewa atau nilai apa-apa manfaat atau faedah atau hasil yang diperolehi dari pembangunan harta dan produk wakaf itu dan memasukkannya ke dalam mana-mana dana yang telah atau akan dibentuk oleh Majlis bagi tujuan tersebut;
 - 4.2 mengenakan dan melaksanakan caj, fi atau lain-lain bayaran yang berkaitan dengan pembangunan harta atau produk wakaf dan penggunaan kemudahan harta wakaf itu;
 - 4.3 menentukan dasar dan panduan bagi harta wakaf itu; dan
 - 4.4 melaksanakan apa-apa kuasa lain yang diberikan kepada Majlis menurut Hukum Syarak atau mana-mana undang-undang bertulis.
5. Majlis boleh menarik balik atau menggantung pelantikan atau keizinan yang diberikan kepada pentadbir wakaf sekiranya pada pendapat Majlis adalah wajar untuk berbuat demikian.
6. Apa-apa perjanjian atau surat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa mengandungi apa-apa terma adalah disifatkan sebagai sebahagian daripada terma dan syarat pelantikan ini.

Tarikh: _____

Yang Dipertua/ Setiausaha
Majlis Ugama Islam Sabah

(terma dan syarat ini boleh diubah atau ditambah tertakluk kepada tujuan atau keperluan pelantikan)

JADUAL KEEMPAT

- I. SURAT PENYIARAN PEWARTAN WAKAF HARTA
TAK ALIH**
- II. SURAT PENYIARAN *GENERAL NOTIFICATION*
PELANTIKAN PENTADBIR**

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

SURAT PENYIARAN PEWARTAAN WAKAFHARTA TAK ALIH
[Seksyen 13]

Kepada,

Pencetak Kerajaan,
Jabatan Cetak Kerajaan Negeri Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah

PENYIARAN HARTA WAKAF DALAM WARTA

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan **Seksyen 13, Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018**, mohon tuan menyiarkan dalam **Warta** pada _____ semua senarai harta wakaf yang telah terletak hak kepada Majlis Ugama Islam Sabah seperti yang ditetapkan dalam Jadual di bawah ini:

Bil.	Butiran Pewakaf (Nama & No. KP Individu/ Syarikat/ Pertubuhan)	Jenis Harta Diwakafkan	Luas Syer Diwakafkan	Daftar. Pemilikan (No. Geran)	Lokasi Wakaf (Daerah)	Wakaf Am/ Wakaf Khas & Tujuan	Nombor & Tarikh Daftar Wakaf

(Gunakan Lampiran berasingan jika ruang Jadual tidak mencukupi)

3. Sila kemukakan terbitan *warta* tersebut ke Pejabat ini untuk rekod dan simpanan.

Sekian.

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Ketua Pendaftar Wakaf)

(Borang ini hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan)

ENAKMEN WAKAF (NEGERI SABAH) 2018
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN WAKAF HARTA TAK ALIH 2024

SURAT PENYIARAN *GENERAL NOTIFICATION* PELANTIKAN PENTADBIR
[Perenggan 19]

Kepada,

Pencetak Kerajaan,
Jabatan Cetak Kerajaan Negeri Sabah,
Kota Kinabalu, Sabah

PENYIARAN PELANTIKAN PENTADBIR DALAM *GENERAL NOTIFICATION*

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan **Perenggan 19, Garis Panduan Pendaftaran Harta Tak Alih 2024**, mohon tuan menyiarkan dalam *General Notification* pada _____ Pelantikan Pentadbir oleh Majlis Ugama Islam Sabah seperti yang ditetapkan dalam Jadual di bawah ini:

Bil.	Butiran Pentadbir (Nama & No. KP Individu/ Daftar Syarikat/ Daftar Pertubuhan)	Tarikh Pelantikan	Tempoh Pelantikan	Butiran Wakaf Ditadbir / Diurus oleh Pentadbir	Lokasi Wakaf (Daerah)	Nombor & Tarikh Daftar Wakaf	Nombor & Tarikh Daftar Pentadbir

(Gunakan Lampiran berasingan jika ruang Jadual tidak mencukupi)

3. Sila kemukakan terbitan *warta* tersebut ke Pejabat ini untuk rekod dan simpanan.

Sekian.

Tarikh: _____

(Tandatangan & Cop Ketua Pendaftar Wakaf)

(Borang ini hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan)

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

(Bab 69 Sabah)

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1) Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa pada Bab 69 pendapatnya mana-mana tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan ini hendaklah diambil bagi maksud awam, iaitu untuk Pengambilan Tanah untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Mukim Lanas dan Kawasan Sekitarnya, Daerah Keningau, Sabah.

Pelan No. 913300028/1 sehingga 913300028/5 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Keningau pada waktu pejabat.

JADUAL

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i>
1.	Asol B Marubin	NT.133112099	2.863	Keningau	1.421
2.	Baan @ Lainis Bin Aning Aning Bin Insam	NT.133154131	1.777	”	0.453
3.	Robert James	NT.133120493	1.665	”	0.246

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 24 Mac 2025.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
Ketua Menteri Sabah.

LAND ACQUISITION ORDINANCE

(Sabah Cap. 69)

DECLARATION UNDER SECTION 3

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 3(1) of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that he considers that any lands set out in the Schedule hereto should be acquired for a public purpose, that is to say, for the “Pengambilan Tanah untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Mukim Lanas dan Kawasan Sekitarnya, Daerah Keningau, Sabah”.

Plan No. 913300028/1 until 913300028/5 showing the area to be acquired may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Keningau during office hours.

SCHEDULE

